

# RM1.2j kutipan bantu mangsa Taufan Ketsana

**K**UALA LUMPUR: Keprihatinan individu dan syarikat korporat terhadap penderitaan mangsa Taufan Ketsana di Vietnam dan Filipina, tsunami di Samoa dan gempa bumi di Padang, Indonesia memungkinan Tabung Bencana The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dan Media Prima Berhad (Media Prima) terus menerima sumbangan yang kini mencecah RM1.2 juta sehingga semalam.

Jumlah terkumpul bagi kutipan semalam adalah sebanyak RM284,686.01 yang diterima antaranya daripada tiga syarikat korporat - RHB Bank Berhad (RHB Bank) dan Berjaya Corporation Berhad (Berjaya Corporation) yang masing-masing menyerahkan cek sumbangan RM100,000 serta Ireka Corporation Berhad (Ireka Corporation) yang menyumbang RM15,000.

Antara sumbangan individu pula adalah diterima daripada Datuk Siew Kar Wei sebanyak RM10,000.

Penyerahan cek oleh RHB Bank untuk tabung itu disempurnakan Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Tajuddin Atan yang diterima Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Datuk Anthony Firdaus Bujang.

Pengarah Eksekutif Berjaya Corporation, Vivienne Cheng dan Pengurus

Besar Kumpulan Ireka Corporation, Leonard Yee pula menyerahkan sumbangan mereka kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Media Prima, Datuk Amrin Awaluddin pada satu majlis di Balai Berita. Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan NSTP, Zainul Arifin Mohammed Isa.

Tajuddin berkata, RHB Bank sentiasa prihatin dan

mengambil berat penderitaan serta kesukaran yang dialami penduduk di wilayah yang dilanda fenomena alam yang mengorbankan ratusan ribu nyawa.

"Apabila sesuatu kejadian tidak dijangka berlaku, ia sentiasa dekat di hati kami untuk membantu mereka yang ditimpa kesusahan seiring tanggungjawab sosial syarikat yang menumpu kepada golongan paling memerlukan seperti ibu tunggal dan kanak-kanak yang kehilangan tempat bergantung akibat bencana itu," katanya.

Vivienne pula berkata, sumbangan itu diharap dapat menggalak dan meningkatkan kesedaran orang ramai dan syarikat lain untuk terus menderma bagi membantu mangsa taufan, tsunami dan gempa bumi di negara berkenaan yang kini memerlukan sokongan daripada masyarakat seluruh dunia.

Sementara itu, Leonard berkata, pemberian derma itu adalah program berterusan syarikat untuk memastikan golongan kurang bernasib baik tidak terus dipinggirkan dan seterusnya memberi inspirasi kepada pelbagai pihak untuk menderma.

"Tabung Bencana NSTP dan Media Prima ini adalah inisiatif dan saluran terbaik untuk memastikan sumbangan yang diberi diagihkan kepada yang memerlukan berikutan ada segelintir pihak yang masih mencari saluran bagi menyampaikan bantuan mereka," katanya.

Pertanyaan mengenai sumbangan boleh dibuat dengan menghubungi Unit Komunikasi Korporat NSTP menerusi talian 03-22823131 sambungan 2575/2475/2592.



TAJUDDIN (dua dari kanan) menyerahkan replika cek Tabung Bencana kepada Anthony sambil diperhatikan oleh Zainul Arifin dan Pengurus Kanan Kumpulan Komunikasi Korporat RHB Bank, Mastura Adnan.